

# Chairman's Statement

## PENYATA PENERUSI



As the newly appointed Chairman of Chemical Company of Malaysia Berhad, it gives me great pleasure to present the Annual Report and Financial Statements for the year ended 31 December 2000.

At the outset, I would like to thank my predecessor, Tan Sri Dato' Mohd. Sheriff bin Mohd. Kassim, who took office as the first Malaysian Chairman of your Company in November 1994. He had to resign in December 2000 in compliance with the Ministry of Finance ruling that, as Chief Executive of Khazanah Nasional Berhad, a Minister of Finance Inc. owned company, he must relinquish membership on the board of any unrelated company.

Under the stewardship of Tan Sri Dato' Mohd. Sheriff bin Mohd. Kassim and his Board of Directors, your Company achieved a profit before tax of RM39.1 million on a turnover of RM571.7 million.

The year 2000 was one of mixed fortunes for your Company. While CCM Fertilizers and Upha Corporation performed better than the previous year, the other subsidiaries were affected by the difficult business environment. Overall trading profit of the Group was lower than that achieved in the previous year. However, the prudent dividend distribution policy adopted by your Company has resulted in sufficient reserves being available for maintaining the dividend for the year at previous years' levels.

I am happy to report that your Directors are recommending a tax exempt final dividend of 6.3 sen per share, which, if approved, would, together with the tax exempt interim dividend of 3.0 sen per share, paid on 15 September 2000, amount to a total distribution of 9.3 sen per share.

Sebagai Pengerusi baru Chemical Company of Malaysia Berhad, saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2000.

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada bekas Pengerusi, Tan Sri Dato' Mohd. Sheriff bin Mohd. Kassim, yang merupakan warga Malaysia pertama memegang jawatan sebagai Pengerusi Syarikat anda pada bulan November 1994. Beliau terpaksa meletakkan jawatan pada bulan Disember 2000 bagi mematuhi peraturan Kementerian Kewangan bahawa, sebagai Ketua Eksekutif Khazanah Nasional Berhad, sebuah syarikat milik Minister of Finance Inc., beliau perlu melepaskan keahlian beliau dalam Lembaga Pengarah sebarang syarikat yang tiada kaitan.

Di bawah teraju Tan Sri Dato' Mohd. Sheriff bin Mohd. Kassim dan Lembaga Pengarah beliau, Syarikat anda mencapai keuntungan sebelum cukai sebanyak RM39.1 juta daripada perolehan sebanyak RM571.7 juta.

Bahagian-bahagian dalam Syarikat mencatatkan prestasi yang berlainan pada tahun 2000. Walaupun CCM Fertilizers dan Upha Corporation mencatatkan prestasi yang bertambah baik berbanding pada tahun sebelumnya, namun anak-anak syarikat lain terjejas akibat persekitaran perniagaan yang sukar. Keuntungan perdagangan keseluruhan Kumpulan lebih rendah berbanding pencapaian pada tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, dasar pengagihan dividen berhemat yang diamalkan oleh Syarikat anda telah membolehkan tersedianya rizab yang mencukupi bagi mengekalkan pembayaran dividen pada tahun ini pada paras yang sama dengan tahun-tahun sebelumnya.

Saya dengan sukacitanya ingin melaporkan bahawa para Pengarah anda mengesyorkan pembayaran dividen akhir dikecualikan cukai sebanyak 6.3 sen sesaham, yang bersama dengan dividen pertengahan dikecualikan cukai sebanyak 3.0 sen sesaham, yang dibayar pada 15 September 2000, menjadikan jumlah pengagihan dividen sebanyak 9.3 sen sesaham.

### PERNIAGAAN BAJA

Tahun 2000 bermula dengan stabil bagi sektor pertanian. Manfaat beberapa langkah sebelumnya yang diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan kadar pertukaran asing yang sangat tidak menentu telah membolehkan perniagaan baja

## Chairman's Statement

### PENYATA Pengerusi

#### THE FERTILIZER BUSINESS

The year 2000 commenced with a stable agricultural sector. The benefits of measures previously taken by the Government to minimise the volatility of exchange rates enabled the fertilizer business to operate within a generally predictable environment in respect of pricing of raw materials, much of which are imported. Agricultural commodity prices for most of the year were stable. As the plantation sector is largely dependent on oil palm, crude palm oil prices, although lower than that of previous years, provided fair profit returns to the industry and demand for fertilizers was not severely affected.

The stable business climate that prevailed for the larger part of the year enabled the company to achieve profit before tax of RM20.26 million, representing a 7.7% increase over the previous year, besides being the highest achieved in the last decade.

However, the pressures of increasing fuel prices and that of natural gas and raw material derivatives, which began earlier in the year, grew more intense during the later part of the year, together with the tightening in the supply of raw materials.

In addition, during the later part of the year, there was a rapid deterioration of prices of several crops in domestic and international markets. This began to impact on the agricultural sector.

The company's resilient performance is attributable to its on-going priority towards improving its services to its customers with quality compound fertilizers. CCM Fertilizers continues to be the only Malaysian compound fertilizer manufacturer with two quality

beroperasi dalam persekitaran yang secara umumnya boleh diramal iaitu dari segi harga bahan mentah yang kebanyakannya diimport. Harga komoditi pertanian adalah stabil hampir sepanjang tahun. Oleh kerana sektor perladangan banyak bergantung kepada harga minyak sawit, yang walaupun mengalami paras harga rendah, berbanding pada tahun-tahun sebelumnya, namun ia memberikan pulangan keuntungan yang sederhana kepada industri tersebut. Justeru itu, permintaan untuk baja tidaklah terlalu terjejas.

Kestabilan iklim perniagaan yang wujud hampir keseluruhan tahun membolehkan syarikat ini mencapai keuntungan sebelum cukai sebanyak RM20.26 juta, 7.7% lebih tinggi berbanding pencapaian pada tahun sebelumnya, di samping merupakan pencapaian paling tinggi pada dekad lepas.

Walau bagaimanapun, tekanan kenaikan harga bahan api dan juga gas asli serta bahan mentah terbitan sejak awal tahun, terus memuncak pada lewat tahun, diikuti dengan kekurangan bekalan bahan mentah.

Tambahan pula, pada lewat tahun ini, beberapa hasil tanaman mengalami kejatuhan harga yang ketara di pasaran domestik dan antarabangsa. Ini mula memberi kesan kepada sektor pertanian.



## Chairman's Statement

### PENYATA PENERUSI

certificates for compound fertilizers from SIRIM (Standards & Industrial Research Institute of Malaysia), these being MS49, 1984 and MS 9002, which affirms the attainment of international quality standards.

Smart Partnerships were formed with major customers to better serve their requirements. The 'Golden Growers Club' launched in 1998 saw a further substantial increase in membership. Members were rewarded with the enhancement of their technical knowledge through technical advisory information in the newsletter 'Agrinfo'. Booklets devoted to advice on nutrient management for specific crops were also distributed. Seminars on good agronomic practices were conducted with the Malaysian Agriculture, Horticulture & Agro-tourism (MAHA) exhibition. The company sponsored the visit of several hundred farmers to this event.

In keeping with the concept of 'Total Care' that was launched in 1999, whereby care is extended to customers and their families in addition to that of their crops, twenty scholarships, compared to ten in the previous year, were provided to the children of customers with outstanding results in the SPM and STPM examinations.

CCM Fertilizers, which already has a wide range of products to cater for all crop needs in Malaysia, further widened its range by introducing controlled-release fertilizers for specialist applications.

### THE CHEMICAL BUSINESS

The year 2000 was a very challenging one for the chemical industry in Malaysia and CCM Chemicals in particular. High crude oil prices have affected the dynamics and structure of

Kemantapan prestasi syarikat ini adalah disebabkan oleh keutamaan berterusan yang diberi untuk mempertingkatkan perkhidmatan kepada para pelanggan dengan baja kompaun yang berkualiti. CCM Fertilizers masih merupakan satu-satunya pengilang baja kompaun Malaysia yang memiliki dua sijil kualiti bagi baja kompaun yang diterima daripada SIRIM (Institut Standard dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia). Kedua-dua sijil tersebut iaitu MS49, 1984 dan MS9002, mengukuhkan pematuhannya kepada piawaian kualiti bertaraf antarabangsa.

Syarikat ini juga telah menjalin Perkongsian Pintar dengan para pelanggan utamanya bagi menyediakan taraf perkhidmatan yang lebih baik untuk memenuhi keperluan mereka. 'Golden Growers Club' yang dilancarkan pada tahun 1998 menikmati pertambahan keahlian yang ketara pada tahun ini. Para ahli telah diberi peluang untuk mempertingkatkan pengetahuan teknikal mereka melalui maklumat nasihat teknikal dalam risalah berita 'Agrinfo' yang diterbitkan. Ia turut mengedarkan buku-buku yang memberi nasihat mengenai pengurusan khasiat pemakanan bagi beberapa tanaman khusus. Satu siri seminar mengenai amalan agronomik yang baik telah diadakan bersempena pameran Malaysian Agriculture, Horticulture & Agro-tourism (MAHA). Syarikat ini telah menaja lawatan beberapa ratus petani ke acara tersebut.

Selaras dengan pengekal konsep 'Total Care' yang dilancarkan pada tahun 1999, di mana keprihatinan diperluaskan kepada para pelanggan dan ahli keluarga mereka di samping perhatian yang diberi kepada tanaman mereka, dua puluh biasiswa berbanding sepuluh pada tahun sebelumnya, telah disampaikan kepada anak-anak para pelanggan yang mencapai keputusan cemerlang dalam peperiksaan SPM dan STPM.

CCM Fertilizers yang telahpun mempunyai jenis produk yang luas bagi memenuhi keperluan semua tanaman di Malaysia, telah meluaskan lagi jenis produknya dengan memperkenalkan baja lepasan terkawal bagi penggunaan khusus.

### PERNIAGAAN KIMIA

Tahun 2000 merupakan satu tahun yang amat mencabar bagi industri kimia di Malaysia amnya dan CCM Chemicals khususnya. Harga minyak mentah yang tinggi telah menjejaskan dinamik dan struktur industri ini. Persaingan



## Chairman's Statement

### PENYATA PENERUSI

the industry. Competition has also intensified causing price pressures whilst costs have escalated due to import inflationary factors. These have resulted in a major margin squeeze, affecting the profitability of the industry. Similarly, CCM Chemicals' performance was also affected. The company recorded a profit before tax of RM13.677 million, which was lower than that achieved in 1999. However, on the back of overall improvements in the Malaysian and Regional economies earlier in the year, turnover increased by 4.3% from RM226 million in 1999 to RM236 million for the current year.

Sales volume for manufactured products continued to increase throughout the year due to strong demand in the export oriented sectors. Similarly, domestic demand was fuelled by strong growth of the manufacturing sector. To this end, the prudent fiscal and monetary policies adopted by the Malaysian Government have ensured continued growth across the manufacturing and export sectors.

However, the Manufacturing Businesses continued to be under severe competitive pressure from both local and regional players. Selling prices for most manufactured products declined throughout most of the current year and bottomed out in the later part of the year. Prices have started to firm up for some key products and this area is expected to perform better in the year 2001.

yang semakin hebat mengakibatkan tekanan harga, sementara kos pula melonjak akibat faktor-faktor inflasi import. Ini telah menyebabkan tekanan margin yang ketara dan turut menjejaskan keuntungan industri. Justeru itu, prestasi CCM Chemicals turut terjejas. Syarikat ini mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM13.677 juta, lebih rendah berbanding pencapaian tahun 1999. Walau bagaimanapun, dengan pemulihan menyeluruh ekonomi Malaysia dan serantau pada awal tahun, perolehan meningkat sebanyak 4.4%, daripada RM226 juta pada tahun 1999 kepada RM236 juta pada tahun semasa.

Jumlah jualan bagi barangan perkilangan terus meningkat pada tahun ini berikutan keteguhan permintaan dalam sektor-sektor berorientasi eksport. Pada masa yang sama, permintaan domestik telah dirangsang oleh keteguhan pertumbuhan dalam sektor perkilangan. Dasar fiskal dan kewangan berhemat yang diamalkan oleh Kerajaan Malaysia telah memastikan pertumbuhan yang menyeluruh di dalam sektor perkilangan dan eksport.

Walaupun bagaimanapun, Perniagaan Perkilangan terus mendapat tekanan persaingan yang hebat daripada para pesaing tempatan dan serantau. Harga jualan bagi kebanyakan barangan perkilangan susut sepanjang tahun, tetapi kembali stabil pada akhir tahun. Harga beberapa barangan utama kembali kukuh, dan perniagaan ini dijangka akan menghasilkan prestasi yang lebih baik pada tahun 2001.



## Chairman's Statement

### PENYATA PENERUSI

The Trading Businesses continued to register good performance in the year under review. In some categories, the higher imported cost of traded products had affected profitability growth. Nevertheless, the company is still continuing with the implementation of its trading strategy to enhance its position in growing and profitable sectors. Focus on some new sectors has brought in success.

The company's first regional business, CCM Holdings Pte. Ltd., based in Singapore, registered slower growth in 2000 due to lower demand from its major customers. However, steps are being taken to further expand the regional business and continue the growth in exports.

The business continues to maintain its high emphasis on Quality and Safety, Health and Environment Management. Both the Chlor-Alkali plant in Pasir Gudang and the KLEA 134a repacking plant in Shah Alam maintained their respective MS ISO 9002 accreditation. In recognition of its commendable performance in the area of Safety and Health Management at its manufacturing facility in Pasir Gudang, the company was awarded the Occupational Safety and Health 'Silver Award' by the Malaysian Society for Occupational Safety and Health (MSOSH) in June 2000.

### THE HEALTHCARE BUSINESS

The Upha Group of Companies registered a profit before tax of RM7.6 million compared with RM5.9 million achieved last year, reflecting a 29% increase, on the back of positive consumer sentiment and continued aggressive marketing campaigns. Through various involvement in events sponsorship eg marathons, walkathons, concerts and contests, sale of over-the-counter (OTC) products grew by 16% compared to 1999.



Perniagaan Perdagangan terus mencatatkan prestasi yang memuaskan pada tahun yang ditinjau. Kos import yang lebih tinggi bagi barangan perdagangan dalam beberapa kategori telah menjejaskan pertumbuhan tahap keuntungan. Walau bagaimanapun, syarikat ini masih meneruskan pelaksanaan strategi perdagangannya bagi mempertingkatkan kedudukannya dalam beberapa sektor yang semakin berkembang dan menguntungkan. Fokus yang diberi kepada beberapa sektor baru telah membawa kejayaan.

Perniagaan serantau pertama syarikat ini, CCM Holdings Pte. Ltd., yang berpangkalan di Singapura mencatatkan pertumbuhan yang lembap pada tahun 2000 akibat kelemahan permintaan daripada para pelanggan utamanya. Walau bagaimanapun, beberapa langkah sedang diambil untuk memperluaskan lagi perniagaan serantau ini serta memperkembangkan eksportnya.

Perniagaan ini terus mengekalkan perhatian terhadap Pengurusan Kualiti dan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar. Loji Kloro-Alkali di Pasir Gudang dan loji pembungkusan semula KLEA 134a di Shah Alam telah mengekalkan akreditasi MS ISO 9002 masing-masing. Sebagai pengiktirafan kepada prestasinya yang cemerlang dalam bidang Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan di loji perkilangannya di Pasir Gudang, syarikat ini telah diberikan 'Anugerah Perak' Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan oleh Persatuan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia (MSOSH) pada bulan Jun 2000.

### PERNIAGAAN PENJAGAAN KESIHATAN

Kumpulan Syarikat-syarikat Upha mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM7.6 juta berbanding RM5.9 juta yang dicapai pada tahun lepas. Ini menggambarkan peningkatan sebanyak 29% berikutan sentimen pengguna yang positif dan kempen pemasaran agresif yang dijalankan secara berterusan. Jualan barangan atas kaunter (OTC) berkembang sebanyak 16% berbanding pada tahun 1999 hasil penglibatannya di dalam berbagai acara tajaan seperti marathon, walkathon, konsert dan peraduan.

Pada bulan Mac 2000, Proviton, salah satu produk utama Upha telah diberikan Anugerah Kecemerlangan Industri bagi tahun 1999. Ia dipercayai merupakan produk farmaseutikal pertama yang memenangi pengiktirafan berprestij tersebut. Pencapaian ketara yang lain termasuk pengiktirafan 'Amalan Perkilangan Terbaik' (GMP) yang diberi oleh Biro Kawalan

## Chairman's Statement

### PENYATA PENGERUSI

In March 2000, Proviton, one of Upha's flagship products was awarded the Industry Excellence Award for 1999. It is believed to be the first pharmaceutical product to have won such a prestigious recognition. Other notable achievements include the softgel plant being certified 'Good Manufacturing Practice' (GMP) by The National Pharmaceutical Control Bureau (NPCB) of Malaysia and the Therapeutic Goods Administration (TGA) of Australia. The softgel capsule using gelatine has also been certified halal by Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Upha will strive for continued excellence in the new millennium. It will continue to focus its strategies and resources to be the preferred supplier of chosen pharmaceutical products to the medical community and be the market leader in successful brands of food and health supplements.

**CCM Pharma's** Research & Development centre successfully developed four new products: Waterbury's Herbal Compound (herbal tonic for strength and vitality), Flavettes Time Release C (14 hours Vitamin C protection), Salmox (anti-asthma) and Glyprin (antithrombotic). Another six key products are expected to be introduced in 2001/2002.

Regionally, CCM Pharma strengthened its network by establishing ethical drug distributors in Thailand, Myanmar, Laos, Cambodia and Philippines. Four ethical products (Omesecc, Trenlin, Imdex and Zolterol) were launched in Hong Kong. In Singapore, CCM Pharma gained endorsements from the Singapore General Hospital, National University Hospital and Tan Tock Seng Hospital by winning the Imdex, Trenlin and Zolterol tenders. In Malaysia, the hospital team successfully penetrated 26 private and government hospitals from a zero base position in April 2000. The lead product was Omesecc (encapsulated Omeprazole mini-tablets) which now is well received by the medical community. Salmox Cr for asthma treatment was launched in Malaysia.

Farmasi Kebangsaan (BKFK) Malaysia dan 'Therapeutic Goods Administration' (TGA) dari Australia. Kapsul gel lembut yang menggunakan gelatin ini juga telah disahkan halal oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Upha akan berusaha gigih untuk terus mencapai kecemerlangan pada alaf baru ini. Ia akan memfokuskan strategi dan sumbernya supaya mampu menjadi pembekal pilihan bagi barangan farmaseutikal terpilih kepada masyarakat perubatan dan berazam menjadi pemimpin pasaran yang disegani dalam jenama makanan dan makanan kesihatan.

Pusat Penyelidikan & Pembangunan **CCM Pharma** berjaya menghasilkan empat produk baru: Waterbury's Herbal Compound (tonik herbal untuk tenaga dan kecergasan), Flavettes Time Release C (perlindungan Vitamin C 14 jam), Salmox (anti-asthma) dan Glyprin (anti-thrombotic). Enam produk utama lain dijangka akan diperkenalkan pada tahun 2001/2002.

Di peringkat serantau, CCM Pharma mengukuhkan lagi rangkaianannya dengan mewujudkan pengedar ubat-ubatan beretika di Thailand, Myanmar, Laos, Kemboja dan Filipina. Empat produk beretika (Omesecc, Trenlin, Imdex dan Zolterol) telah dilancarkan di Hong Kong. Di Singapura, CCM Pharma telah mendapat pengiktirafan daripada Hospital Besar Singapura, Hospital National University dan Hospital Tan Tock Seng dengan memenangi tender



## Chairman's Statement

### PENYATA PENGERUSI

In the over-the-counter (OTC) front, Waterbury's Herbal Compound and Flavettes Time Release C were launched into the Malaysia market. Flavettes Sugar Free Vitamin C was launched in Hong Kong and Thailand whilst Flavettes Junior was launched into the Thailand children's market.

CCM Pharma is poised to take advantage of the regional growing market by placing registrations of its key ethical and OTC products in the region. Registration approvals have been obtained in Hong Kong, Singapore, Thailand, Myanmar, Cambodia, Laos, Indonesia and Malaysia.

In addition to its present capabilities, two new specialised areas will be incorporated so as to enable CCM Pharma to develop and manufacture effervescent dosage forms and new generation antibiotics. CCM Pharma will invest about RM12.4 million to set up a new pharmaceutical Research & Development cum pilot plant facility, which will be built to international GMP standards. This new facility, to be located at Technology Park Malaysia, will enable CCM Pharma to position itself as the premier drug delivery company in the region and is targeted to be ready for operations by early 2003.

Prima Health Pharmacy (Retail) Sdn Bhd's turnover increased by 6% compared with 1999 in line with the upward trend in consumer spending during the year. The year was spent consolidating and rationalising operations. Some loss making outlets have been closed and additional concentration is being placed on the existing outlets to improve profitability.

Imdex, Trenlin dan Zolterol. Di Malaysia, pasukan hospital telah berjaya menembusi 26 buah hospital swasta dan kerajaan bermula dengan tahap sifar pada bulan April 2000. Omesecc merupakan produk utama (tablet mini Omeprazole yang dikapsulkan) yang kini mendapat sambutan baik di kalangan masyarakat perubatan. Salmax Cr untuk rawatan asthma juga telah dilancarkan di Malaysia.

Dari segi barangan di atas kaunter (OTC), Waterbury's Herbal Compound dan Flavettes Time Release C telah dilancarkan di pasaran Malaysia. Flavettes Vitamin C Bebas Gula telah dilancarkan di Hong Kong dan Thailand sementara Flavettes Junior telah dilancarkan ke pasaran kanak-kanak di Thailand.

CCM Pharma telah bersedia untuk memanfaatkan kelebihan pasaran serantau yang sedang berkembang maju dengan mendaftarkan produk-produk beretika dan OTCnya di rantau ini. Kelulusan pendaftaran telah diperolehi di Hong Kong, Singapura, Thailand, Myanmar, Kemboja, Laos, Indonesia dan Malaysia.

Di samping keupayaan semasanya, dua bidang khusus akan dimasukkan untuk membolehkan CCM Pharma membangun dan mengilang 'effervescent dosage forms' dan antibiotik generasi baru. CCM Pharma akan menyalur pelaburan sebanyak RM12.4 juta untuk menubuhkan kemudahan Penyelidikan & Pembangunan farmaseutikal yang juga merupakan loji perintis, yang akan dibina mengikut standard GMP antarabangsa. Kemudahan baru ini yang akan dibina di Taman Teknologi Malaysia akan meletakkan CCM Pharma sebagai syarikat penghantar ubat perdana di rantau ini dan disasar akan beroperasi menjelang 2003.

Pada tahun ini, Prima Health Pharmacy (Retail) Sdn Bhd mencatatkan pertambahan perolehan sebanyak 6% berbanding tahun 1999 selaras dengan perbelanjaan pengguna yang menunjukkan arah aliran meningkat pada tahun ini berbanding dengan beberapa tahun sebelumnya. Pada tahun ini, operasi pengukuhan dan rasionalisasi telah diberi keutamaan. Tumpuan yang lebih besar diberikan kepada saluran kedai sedia ada untuk mempertingkatkan tahap keuntungan sementara saluran-saluran yang menanggung kerugian telah ditutup. Saluran kedai yang dibuka di Mid Valley Megamall dan Kompleks Mutiara, Jalan Ipoh baru-baru ini mencatatkan keputusan seperti yang dijangkakan.



## Chairman's Statement

### PENYATA Pengerusi

Recently opened outlets at Mid Valley Megamall and Kompleks Mutiara, Jalan Ipoh are posting results in line with expectations.

Due to the abovementioned rationalisation, apart from Mid Valley Megamall, no new outlets were opened in 2000. There are various sites identified for 2001 and assessments of these are underway to gauge the potential. The stated objective of the company remains to prepare itself for the eventual separation of the prescription and dispensing market. In the light of this, selection of sites is predicated on high consumer density areas and this strategy will continue.

It is expected that consumer sentiment will continue on an upward trend into 2001, and that turnover will continue to improve. Given that the separation of prescription and dispensing is not expected in the near future, concentration is being placed on both margin performance and also sales of non prescriptive items in all outlets. It is expected that results of the company in 2001 would be better than that in the current year.

**Columbia Pacific Healthcare's** hospital in Seremban, which opened in late 1999, did well in 2000. Revenues increased by an average of 17% per month, eventually producing a positive cash flow position for the hospital in November. The company expects continued improvement in the 2001 operations of this facility.

However, the company's facility in Shah Alam continues to struggle with unsatisfactory levels of occupancy. The company altered the operating program of the facility in late 2000, to focus on lower cost programs for geriatric patients.

Sejajar dengan langkah rasionalisasi yang dinyatakan di atas, selain daripada saluran di Mid Valley Megamall, tiada saluran baru yang telah dibuka pada tahun 2000. Beberapa tapak telah dikenalpasti untuk dibuka pada tahun 2001 dan penilaian mengenai potensinya sedang dijalankan. Objektif utama syarikat kekal untuk membolehkannya bersedia menghadapi pengasingan pasaran preskripsi dan pembahagian. Sehubungan itu, pemilihan tapak akan terus ditumpukan kepada kawasan-kawasan yang mempunyai kepadatan pelanggan yang tinggi.

Sentimen pengguna dijangka akan terus menunjukkan arah aliran meningkat pada tahun 2001 manakala perolehan dijangka akan bertambah baik. Memandangkan pengasingan pasaran prekripsi dan pembahagian dijangka tidak akan berlaku dalam jangka masa terdekat, tumpuan sedang diberi terhadap prestasi margin dan juga jualan barangan bukan preskripsi di semua saluran. Pencapaian syarikat pada tahun 2001 dijangka akan bertambah baik berbanding tahun semasa.

Hospital **Columbia Pacific Healthcare** di Seremban yang dibuka pada akhir tahun 1999, telah mencatat keputusan memberangsangkan pada tahun 2000. Peningkatan hasil dengan purata 17% sebulan, menghasilkan kedudukan aliran tunai positif bagi hospital ini pada bulan November. Syarikat menjangka operasi hospital ini akan terus mencapai peningkatan pada tahun 2001.



## Chairman's Statement

### PENYATA PENERUSI

During the year, the management company completed the production of standardized operating policies and procedures, and instituted these in all managed facilities.

### PROSPECTS FOR THE YEAR 2001

While the various steps taken by the Malaysian Government to stimulate the economy are expected to show some growth in domestic economic activity, there will also be continued pressure on costs as a result of high oil prices and increases in fuel and petrol prices. Low palm oil prices will adversely affect the performance of the fertilizer business. However, overall prospects for your Company for the year 2001 remain resilient, given the inherent strength of its other core businesses as well as an experienced management team.

### CONCLUSION

As I have mentioned in the opening paragraphs, Tan Sri Dato' Mohd. Sheriff bin Mohd. Kassim resigned in December 2000. Tan Sri Dato' Thong Yaw Hong, having reached the age of 70, is retiring after the next Annual General Meeting on 19 April 2001, after having served on the Board for 14 years. To both of them, I would like to express your Company's appreciation and gratitude for their contributions and guidance.

I was appointed Chairman of your Company on 16 February 2001. Dato' David Chiu, Mr Chartchai Pusavat and Mr Wei Chee Keong, were appointed to the Board in May 2000. It is my pleasure to welcome them on your behalf.

Finally, I also wish to thank all our customers, suppliers, staff and shareholders for their continued support.

Thank you.

**Dato' Mohd. Ibrahim bin Mohd. Zain**

Chairman / Pengerusi

Walaupun bagaimanapun, kemudahan syarikat di Shah Alam terus menghadapi kesukaran kerana masih belum mencapai kapasiti penuh. Pada akhir tahun 2000, syarikat telah memperbaiki program operasi kemudahan ini, untuk menumpukan perhatian kepada program berkost rendah bagi pesakit geriatrik.

Pada tahun ini, pengurusan syarikat telah menyiapkan dan menerbitkan polisi dan prosedur operasi standard dan melaksanakannya ke atas semua kemudahan yang diuruskan.

### PROSPEK BAGI TAHUN 2001

Walaupun berbagai langkah yang diambil oleh Kerajaan Malaysia untuk merangsang ekonomi dijangka akan menunjukkan pertumbuhan dalam aktiviti ekonomi domestik, namun kos akan terus tertekan akibat harga minyak yang tinggi, kenaikan harga bahan api dan petrol di pasaran antarabangsa. Harga minyak kelapa sawit yang rendah akan menjejaskan perniagaan baja dengan ketara. Walau bagaimanapun, prospek keseluruhan Syarikat anda bagi tahun 2001 kekal teguh, dengan kemantapan perniagaan terasnya yang lain serta pasukan pengurusan yang berpengalaman.

### KESIMPULAN

Seperti yang telah saya nyatakan di dalam perenggan awal, Tan Sri Dato' Mohd. Sheriff bin Mohd. Kassim telah meletakkan jawatan pada bulan Disember 2000. Tan Sri Dato' Thong Yaw Hong yang mencapai usia tujuh puluh tahun, akan bersara selepas Mesyuarat Agung Tahunan akan datang pada 19 April 2001, selepas berkhidmat di dalam Lembaga Pengarah selama 14 tahun. Saya ingin menyampaikan penghargaan dan terima kasih Syarikat kepada kedua-duanya di atas sumbangan dan bimbingan yang telah mereka huluskan selama ini.

Saya telah dilantik sebagai Pengerusi Syarikat anda pada 16 Februari 2001, Dato' David Chiu, Encik Chartchai Pusavat dan Encik Wei Chee Keong, telah dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah pada bulan Mei 2000. Bagi pihak anda sekalian, saya dengan sukacitanya ingin mengucapkan selamat datang kepada mereka.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pelanggan, pembekal, kakitangan dan para pemegang saham di atas sokongan mereka yang berterusan.

Terima kasih.